

PSKLM dokong aspirasi KKR demi kesejahteraan rakyat

Komited tingkat perkhidmatan, keselamatan, penyelenggaraan, pendigitalan lebuhraya

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) memahami cabaran dihadapi Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dalam memastikan infrastruktur negara terus beroperasi pada tahap terbaik dan melaukan komitmennya mendokong aspirasi KKR demi kesejahteraan rakyat di negara ini.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan Covid-19 memberi kesan kepada syarikat konsesi lebuhraya dengan pengurangan jumlah trafik dan turut dirasai rakan niaga di R&R serta kontraktor.

Bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat PSKLM dan syarikat konsesi lebuhraya memberi perkhidmatan terbaik setiap masa.

Yang DiPertua PSKLM Datuk Azman Ismail berkata, pelbagai inisiatif diambil bagi menjaga pelanggan sepanjang perjalanan mereka dan ia bertepatan dengan semangat #KitaJagaKita untuk sama-sama berusaha mengawal penularan pandemik Covid-19.

Menurut Azman, sebagai Rakan Pembangunan Negara, PSKLM dan syarikat konsesi akan terus mengharungi cabaran dan rintangan terbaharu berikutan pandemik ini.

"Pendekatan norma baharu memerlukan kami terus berkolaborasi dan bekerjasama sebagai satu pasukan untuk terus menjaga pelanggan dengan baik dan pada masa sama memainkan peranan membantu Kementerian Kerja Raya memacu pembangunan negara.


"Aspek keselamatan, kesejahteraan, impak sosial, tenaga kerja dan teknologi terus diberi penekanan untuk melonjakkan industri lebuhraya," katanya.

Sebagai persatuan mewakili 26 syarikat konsesi lebuhraya di Malaysia, PSKLM komited melaksanakan tanggungjawabnya bertepatan dengan komitmen Kementerian Kerja Raya dan pihak kerajaan untuk terus memberi perkhidmatan yang berkualiti, pantas dan berkesan.

Ini termasuk menye-



R&R Genting Sempah di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak membuka peluang sosioekonomi kepada komuniti setempat di sepanjang jajaran lebuhraya.



MODENISASI Pusat Kawalan Trafik PLUS menggunakan paparan skrin teknologi digital LED lebih jelas meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan.

lenggara infrastruktur lebuhraya dengan cekap dan berkesan, menangani isu kawasan *blackspot*, mempertingkatkan reka bentuk, mutu jalan dan sebagainya.

Lebuhraya penghubung utama rakyat

Azman juga berkata, sejak kewujudan lebuhraya lebih 30 tahun lalu di negara ini, industri itu menjadi penghubung utama rakyat bagi melakukan perjalanan sama ada untuk sektor pengangkutan, pelancongan, perubahan, perindustrian,

dustrian dan menghubungkan bandar besar.

Menurutnya, lebuhraya berperanan sebagai pemangkin pembangunan dan ekonomi di kawasan sekitar jajarannya.

"Sejak lebuhraya dibina dan beroperasi, negara menyaksikan pembangunan sepanjang koridor lebuhraya seperti kawasan perbandaran baru, kawasan perindustrian baru termasuklah penempatan baru.

"Justeru, sebagai syarikat konsesi lebuhraya kami komited menjaga aset lebuhraya seperti turapan jalan, cerun, jambatan, terowong, kawasan R&R, hentian sebelah

dan sebagainya pada tahap terbaik melalui rejim penyelenggaraan menyeluruh.

"Malah, bajet diperuntukkan untuk penyelenggaraan aset lebuhraya melebihi 70 peratus daripada keseluruhan bajet perbelanjaan mengurus lebuhraya," katanya.


Daripada aspek *potholes* atau jalan berlubang pula, Azman berkata, setiap lebuhraya sentiasa memantau supaya kejadian berkenaan diberi rawatan berpatutan dalam masa 24 jam.

"Kami sangat serius menjadikan lebuhraya bebas *potholes* dan menjadikan perjalanan di lebuhraya selamat untuk semua," katanya.

Pendekatan 3E tingkatkan tahap keselamatan

Bagi meningkatkan tahap keselamatan di lebuhraya kendalian PSKLM, syarikat konsesi ini menggunakan pendekatan 3E iaitu *Engineering* (Kejuruteraan), *Enforcement* (Penguatkuasaan) dan *Education* (Pendidikan).

Menyeri E pertama, *Engineering*, kata Azman ia memfokuskan kepada penggunaan aplikasi teknologi



STRUKTUR mega Jambatan Sungai Johor sepanjang 1.7km di Lebuhraya Senai-Desaru menjadi mercu tanda di selatan tanah air.

terbaru bagi meningkatkan keselamatan seperti turapan jalan, penghadang jalan, peralatan keselamatan jalan raya dan mengaplikasikan teknologi video analitik.

"E kedua pula iaitu *Enforcement* merujuk kepada kolaborasi bersama pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi untuk meningkatkan pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang keselamatan jalan raya.

"Apa yang membanggakan, saban tahun konsesi lebuhraya mengadakan sekurang-kurangnya 300 operasi bersepadu bersama agensi ini untuk memastikan hasrat tercapai," katanya.

Sementara itu, E ketiga, *Education* terdiri daripada penganjuran program meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya termasuk dengan pihak NGO, Miros dan sebagainya dalam penganjuran pelbagai kempen pendidikan keselamatan jalan raya kepada orang ramai. Malahan untuk memastikan tahap keselamatan petugas lebuhraya, PSKLM bersama Niosh memperkenalkan program *Expressway Operation Safety Passport* (EOSP).

Sehingga kini, 15,000 petugas dan kontraktor menjalankan tugas di lebuhraya menyertai program EOSP.

Ke Arah Lebuhraya Masa Hadapan dan Lebuhraya Pintar

Selain itu, Memperluas Penggunaan Teknologi Digital Dalam Pembangunan Dan Penyelenggaraan Infrastruktur adalah Teras Kedua terkandung dalam Pelan Strategik Organisasi 2021-2025 Kementerian Kerja Raya.

Justeru, pihak Konsesi dan kontraktor disaran meneroka dan mendigitalkan semua

proses pelaksanaan kerja supaya proses serta kualiti terjamin.

Budaya memanfaatkan teknologi digital sebagai pemudah cara dalam pelaksanaan tugas dan jaminan kualiti, sekali gus menggalakkan inovasi dalam penambahbaikan mutu kerja.

Wakil konsesi dan kontraktor penyelenggaraan perlu bertindak pantas menjadi pihak pertama untuk dihubungi, yang pertama berada di lokasi dan yang pertama beri maklum balas serta mengemaskini informasi sebagaimana hasrat Menteri Kanan Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof.

Oleh itu, selain pendekatan 3E, PSKLM beraspirasi untuk menjadikan Lebuhraya Malaysia sebagai Lebuhraya Masa Hadapan dan Lebuhraya Pintar.

Azman berkata, syarikat konsesi lebuhraya juga secara berterusan akan menaik taraf teknologi di dalam operasi lebuhraya.

"Penaiktaraf itu termasuk pelbagai sistem termasuk sistem kutipan tol, pemantauan trafik, menaik taraf pusat panggilan pelanggan, pemasangan CCTV berteknologi tinggi, penggunaan dron, pemantauan penyelenggaraan dan pengurusan aset serta penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) untuk menyokong sistem teknologi di lebuhraya.

"Untuk sistem kutipan tol pula, sistem RFID giat diuji dan akan dilaksana di semua plaza tol, sekali gus permulaan lebuhraya di negara ini bersedia ke arah *Multi Lane Free Flow* (MLFF)," katanya.

PSKLM berharap dengan sokongan Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia serta agensi yang berkaitan dapat merealisasikan MLFF ini.



Syarikat konsesi lebuhraya secara berterusan akan menaik taraf teknologi di dalam operasi lebuhraya demi kesejahteraan pelanggan"

Azman